

SULIT

1103/2

1 Bahasa  
1 Melayu  
0 Kertas 2  
3 November  
2 2022  
2 2½ jam



MAKTAB RENDAH SAINS MARA

---

PEPERIKSAAN AKHIR SIJIL PENDIDIKAN MRSM 2022

---

**BAHASA MELAYU**

Kertas 2

Dua jam tiga puluh minit

---

**JANGAN BUKA KERTAS PEPERIKSAAN INI SEHINGGA DIBERITAHU**

1. *Kertas peperiksaan ini mengandungi tiga bahagian: Bahagian A, Bahagian B dan Bahagian C.*
2. *Jawab semua soalan.*
3. *Jawapan anda hendaklah ditulis di dalam buku jawapan yang disediakan. Sekiranya ruang jawapan tidak cukup, sila dapatkan helaian tambahan daripada pengawas peperiksaan.*

---

Kertas peperiksaan ini mengandungi 11 halaman bercetak.

**Bahagian A: Sistem dan Aplikasi Bahasa**  
[35 markah]

- 1 *Baca petikan di bawah dengan teliti. Kenal pasti dan senaraikan empat kata nama am. Kemudian bina satu ayat anda sendiri daripada setiap kata nama am tersebut untuk menunjukkan bahawa anda faham akan maksud dan penggunaannya. Anda tidak boleh menggunakan perkataan itu sebagai peribahasa atau nama khas.*

Satu kajian tentang penguasaan bahasa Mandarin menjelaskan bahawa terdapat satu bahagian di dalam otak yang akan bekerja secara aktif semasa kita mempelajari bahasa tersebut. Uniknyalah bahagian ini tidak akan bekerja semasa kita belajar bahasa-bahasa lain. Hal ini mungkin kerana bahasa Mandarin mempunyai karakter yang membuatkan otak akan bekerja lebih giat berbanding dengan biasa. Kajian ini menunjukkan kelebihan yang kita peroleh sekiranya mempelajari bahasa Mandarin sebagai bahasa kedua.

Dipetik dan diubah suai daripada  
'Kepentingan Menguasai Pelbagai Bahasa'  
oleh Fais Awae  
Dewan Siswa, Bil. 04/2021  
[8 markah]

- 2 *Baca petikan di bawah dengan teliti, kemudian songsangkan ayat yang bergaris.*

Cabaran yang diharungi pegawai Institut Sukan Negara (ISN) tidak boleh dipandang remeh. Mereka sanggup berdepan dengan apa-apa sahaja cabaran bersama-sama atlet untuk mengejar kejayaan. Tugas seorang doktor perubatan ISN bukanlah mudah. Mereka sering terdedah kepada bahaya biarpun penglibatan golongan ini dilihat sekadar di belakang tabir. Bidang tugas golongan ini tidak seperti doktor perubatan di klinik atau di hospital. Mereka perlu turun padang memberikan perkhidmatan kepada atlet dan pasukan negara.

Dipetik dan diubah suai daripada  
'Cabaran Seorang Doktor Perubatan ISN'  
oleh Junaidi  
Artikel Institut Sukan Negara Malaysia, 26 April 2019  
[8 markah]

- 3 Dalam petikan 1, terdapat **empat kesalahan bahasa** manakala petikan 2 terdapat **tiga kesalahan bahasa**. Kenal pasti, senaraikan dan betulkan kesalahan-kesalahan tersebut. Anda perlu menulis kesalahan-kesalahan yang dikenal pasti dan membuat pembetulannya. Anda tidak perlu menyalin petikan-petikan tersebut.

**Bahan 1**

Pembangunan teknologi berkembang dengan begitu laju dan ekonomi gig menjadi semakin popular. Oleh itu, tidak mustahil pada masa akan datang pemain industri dalam sektor pembuatan akan mempertimbangkan penggunaan automasi robotik bagi menggantikan tenaga manusia. Hal ini mungkin boleh berlaku pada pasca-modenisasi perindustrian terutama dengan penggunaan sistem pendigitalan. Pemilik syarikat gergasi juga lebih cenderung untuk melabur dalam bidang automasi sekali gus mengurangkan tenaga buruh. Di masa yang sama, keadaan ini akan meningkatkan permintaan pekerjaan teknikal dan kejuruteraan perisian komputer.

Dipetik dan diubah suai daripada  
'Ekonomi Gig Menyokong Kebiasaan Baharu'  
oleh Shamsiah Abd Kadir  
*Dewan Masyarakat*, Bil.7/2020  
[4 markah]

**Bahan 2**

Iran merupakan negara yang perlu dikunjungi kerana potensinya sebagai destinasi pelancongan yang menarik untuk diterokai oleh kita. Iran juga mempunyai tamadun tertua di dunia yang berusia 6000 tahun. Dalam bahasa Parsi, Iran lebih dikenali sebagai Arya. Negara ini mempunyai sejarah dalam kesenian, muzik, puisi, falsafah dan ideologi. Banyak tinggalan daripada sejarah empayar Parsi masih dapat dilihat menerusi senibina, ukiran, pertukangan dan pembuatan permaidani yang unik. Dengan lain kata, Iran ialah negara yang kaya dengan warisan sejarah dan sesuai dilawati oleh pelancong dari seluruh dunia.

Dipetik dan diubah suai daripada  
'Kembara di Bumi Parsi'  
oleh Rosli Mohd Nordin  
*Dewan Siswa*, Bil. 12/2020  
[3 markah]

- 4 *Baca petikan bahasa Melayu Klasik di bawah dengan teliti. Kemudian, tulis semula petikan tersebut dalam **bahasa Melayu Standard** tanpa mengubah bentuk dan maksud asalnya.*

Maka Sultan Muzaffar Syah tiada mahu menyembah ke Benua Siam. Maka Raja Benua Siam terlalu marah, lalu menyuruh berlengkap akan menyerang Melaka; Awi Cakri nama panglimanya, membawa rakyat terlalu banyak tiada terpermanai lagi. Maka dipersembahkan orang ke bawah Duli Sultan Muzaffar Syah bahawa Raja Benua Siam menitahkan hulubalang, Awi Cakri namanya, membawa rakyat terlalu banyak tiada terpermanai banyaknya, berjalan darat terus ke hulu Pahang.

Dipetik daripada  
'Burung Terbang Dipipiskan Lada'  
dalam antologi *Sejadah Rindu*  
Kementerian Pendidikan Malaysia  
[6 markah]

- 5 *Baca ayat di bawah dengan teliti kemudian nyatakan peribahasa yang sesuai dengan ayat tersebut.*

- (i) Ayah tidak akan menyuruh abang membaiki radio antiknya lagi kerana abang selalu menambahkan kerosakan pada barang yang dibaikinya.
- (ii) Zahar tidak mahu membantu ibu tirinya yang telah banyak berjasa walaupun dia telah menjadi seorang usahawan yang berjaya.
- (iii) Walaupun Encik Yahaya telah meninggal dunia sembilan tahun yang lalu, namun jasa dan sumbangannya kepada penduduk kampung masih menjadi bualan ramai.

[6 markah]

**Bahagian B: Pemahaman**  
[35 markah]

- 6 *Baca Bahan 1 dan Bahan 2 yang diberikan dengan teliti. Kemudian jawab soalan-soalan yang berikutnya dengan menggunakan ayat anda sendiri.*

**Bahan 1**

Isu buli dan keganasan dalam kalangan masyarakat hari ini terutamanya golongan remaja masih lagi menjadi kebimbangan pelbagai pihak. Mangsa buli yang mengalami pengalaman dibuli akan menyebabkannya trauma sekali gus mengakibatkan gangguan kesihatan mental. Trauma ini berlaku apabila seseorang mengalami kejadian yang mengancam keselamatan dirinya sehingga memori tersebut tidak lagi ingin diingati. Mangsa buli akan merasakan diri mereka tidak berdaya dan akan terperangkap dengan memori dibuli sehingga mengakibatkan tekanan perasaan. Kes-kes melibatkan buli dan keganasan di sekolah, institusi pendidikan tinggi mahupun di alam pekerjaan mesti diberi perhatian yang serius oleh pihak berkuasa dan masyarakat secara menyeluruh agar jalan penyelesaian kepada permasalahan ini dapat dicari.

Dipetik dan diubah suai daripada  
'Kes Buli Beri Kesan Mendalam kepada Mangsa Buli'  
*Blog Seribu Ombak, 16 Januari 2019*

**Bahan 2**

Buli siber ialah perbuatan mengancam, memalukan atau menakutkan individu melalui medium elektronik seperti mesej khidmat pesanan ringkas (SMS), chatting, e-mel, laman web sosial dan WhatsApp yang melibatkan akses teknologi. Pakar Psikologi Kaunseling Universiti Pendidikan Sultan Idris (UPSI), Dr. Fauziah Mohd Saad berkata, kesan kepada mangsa bergantung pada bentuk buli yang diterima sehingga menyebabkan seseorang itu berasa rendah diri. Seterusnya, mangsa mengalami tekanan psikologi kerana gagal *menanggung kecaman* oleh warganet. "Mereka disangka 'kawan' namun melemparkan kecaman pedih yang meremukkan hati dan perasaan". Beliau berkata, dianggarkan 20 hingga 40 peratus pengguna Internet pernah menjadi mangsa buli hingga menyebabkan kemurungan serta gangguan mental.

Dipetik dan diubah suai daripada  
'Mangsa Buli Siber Berpotensi Bunuh Diri'  
oleh Norshahzura Mat Zuki  
*Sinar Harian, Bil. 22 September 2020*

- (i) Berdasarkan **Bahan 2**, berikan maksud rangkai kata *menanggung kecaman*.  
[2 markah]
- (ii) Dengan merujuk **Bahan 1** dan **Bahan 2**, kemukakan kesan-kesan yang dihadapi oleh mangsa buli.  
[3 markah]
- (iii) Insiden buli dan perlakuan ganas yang berlaku dalam kalangan pelajar semakin meningkat dari hari ke hari. Isu berkenaan semakin banyak didedahkan apabila ciapan tersebut menjadi tular dalam media sosial.

Pada pendapat anda, apakah punca-punca yang menyebabkan kejadian seumpama ini berlaku?  
[3 markah]

- (iv) Sepupu anda mengadu bahawa dia sering menjadi mangsa buli siber oleh individu yang tidak dikenali melalui aplikasi Facebook. Sepupu anda berasa sangat tertekan dan tidak selesa dengan keadaan itu sehingga menyebabkan kesihatannya terganggu.

Bagaimanakah anda dapat membantu sepupu anda untuk mengatasi masalah buli siber yang dihadapinya?  
[4 markah]

- 7 *Baca bahan-bahan di bawah dengan teliti, kemudian jawab soalan-soalan yang berikutnya dengan menggunakan ayat anda sendiri.*

**Bahan 1**

- NEK SINAH : Nak Aiman, mari makan. Nek dah siapkan makanan kegemaran Aiman, ayam masak asam pedas.
- AIMAN : Hei, jangan panggil saya nak Aiman! Saya bukan anak Nek Sinah. Nek Sinah tu cuma orang gaji di rumah ini, faham? Saya belum lapar. Belum nak makan lagi. Saya nak tunggu Kak Dapnia balik, saya nak makan dengan dia.
- NEK SINAH : Nenek sedar siapa diri nenek dalam rumah ini. Tadi Dapnia ada telefon beritahu yang dia tak balik makan tengah hari, dia banyak tugas di universiti. Malam baru dia pulang. Datin juga sibuk, malam baru dia pulang.
- AIMAN : Kak Dapnia tak balik, *mummy* pun sama? Semua orang dalam rumah ini sentiasa sibuk saja. Macamlah esok dah nak kiamat.
- NEK SINAH : Tak baik cakap begitu. Mereka pastinya ada urusan yang penting.
- AIMAN : Sudahlah, Nek Sinah boleh keluar dari bilik saya ini. Nanti kalau saya lapar, saya pergi makan. Tak perlu sentiasa nak aturkan perkara yang perlu saya buat. Saya bukannya budak kecil lagi.

Dipetik dan diubah suai daripada  
drama 'Berkhidmat Untuk Negara'  
oleh Affix Zulkarnaen Adam  
antologi *Jaket Kulit Kijang dari Istanbul*  
Dewan Bahasa Pustaka

**Bahan 2****ERTI HIDUP BERERTI**

Teo Wei Seng

Aku selalu didatangi  
malam sepi  
*bagai kalung*  
yang melingkari leherku  
tidak berubah keesokan hari  
siapa yang akan datang menjengukku  
keluhan seorang tua sunyi.

Keheningan tasik  
kehijauan rumput  
hanya menjadi bayangan  
di penjuru ruang zaman  
cinta dalam rahim dilupai  
dari sulung ditendang ke bongsu  
dari angah ditendang ke sulung balik  
kucari erti hidup  
menderita mengerang sakit  
berdiri tanpa ruang.

Dipetik daripada  
antologi *Sejadah Rindu*,  
Kementerian Pendidikan Malaysia.

- (i) Berdasarkan **Bahan 2**, berikan maksud rangkai kata *bagai kalung*. [2 markah]
- (ii) Berdasarkan **Bahan 1** dan **Bahan 2**, nyatakan nasib yang dialami oleh Nek Sinah dan penyajak. [3 markah]
- (iii) Amalan menghormati orang yang lebih tua merupakan amalan terpuji dan perlu diterapkan dalam hidup seseorang.

Nyatakan peranan ibu bapa dalam menyemai amalan menghormati golongan tua dalam kalangan remaja sejak awal lagi. [4 markah]

“Tak perlu sentiasa nak aturkan perkara yang perlu saya buat.  
Saya bukannya budak kecil lagi”

- (iv) Pernyataan di atas menunjukkan sikap negatif Aiman terhadap orang yang lebih tua.

Sebagai seorang abang atau kakak Aiman, kemukakan nasihat yang boleh anda berikan kepada Aiman supaya dapat mengubah sikapnya. [4 markah]



8 Jawapan bagi soalan berikut hendaklah berdasarkan teks novel Tingkatan 4 dan Tingkatan 5.

- (i) Baca petikan novel di bawah dengan teliti, kemudian jawab soalan yang berikutnya dengan menggunakan ayat anda sendiri.

Nenek memanggilku dari ruang tamu. Kuhampiri nenek yang menolak raga rotan berisi pakaian datuk dan nenek. Kulihat juga kelibat Abang Rashid yang meletakkan bakul berisi buah-buahan di atas tangga, tanpa bersuara seperti orang bisu. Kelibat Abang Rashid telah pun hilang, dia pergi sepiantas dia datang. Aku menyedari selama lebih 28 jam aku di rumah ini, belum sepiantas pun aku mendengar suaranya, kehidupannya seperti perjalanan jarum jam.

Satu-satunya cara untuk mengesan Abang Rashid berada di kawasan rumah ini ialah melalui bunyi berdecham, batuk, kayuhan basikal tua yang bisung yang sering dikayuhnya ke bangsal bendang atau bunyi enjin kereta buruk yang di parkir di halaman rumah setiap kali dia kembali dari pekan.

Dipetik daripada  
novel *Jendela Menghadap Jalan*  
oleh Ruhani Matdarin  
Dewan Bahasa dan Pustaka

Apakah cara untuk mengesan keberadaan Abang Rashid di rumah tersebut?

[4 markah]

(ii) Jawab soalan di bawah berdasarkan novel-novel yang berikut:

- (a) Leftenan Adnan Wira Bangsa, karya Abdul Latip Talib
- (b) Di Sebalik Dinara, karya Dayang Nor
- (c) Jendela Menghadap Jalan, karya Ruhaini Matdarin
- (d) Pantai Kasih, karya Azmah Nordin
- (e) Tirani, karya Beb Sabariah
- (f) Silir Daksina, karya Nizar Parman
- (g) Songket Berbenang Emas, karya Khairuddin Ayip
- (h) Bimasakti Menari, karya Sri Rahayu Mohd Yusop

Berdasarkan **sebuah novel** yang anda pelajari, jelaskan peristiwa-peristiwa yang dapat dikaitkan dengan masyarakat yang gigih.

[6 markah]

**Bahagian C : Rumusan**

[30 markah]

- 9 *Baca dan teliti setiap bahan yang diberikan. Kemudian buat satu rumusan yang panjangnya tidak melebihi 120 patah perkataan. Anda digalakkan supaya menggunakan ayat anda sendiri tanpa mengubah maksud asal petikan dan bahan.*

**Bahan 1 – Petikan**




Amalan menabung merupakan tindakan proaktif yang memberikan kesedaran sebagai persediaan bagi menjamin masa hadapan yang cerah. Kini amalan menyimpan tabungan di bank juga merupakan satu inisiatif yang efektif bagi memastikan wang tersebut terjaga dan disimpan dengan selamat, selain amalan biasa. Oleh itu, amalan menabung perlu dijadikan instrumen dalam mendepani kos hidup yang semakin kompleks dan mencabar.

Walaupun amalan menabung ini sangat baik, masih banyak golongan remaja yang memandang sepi. Oleh itu, pelbagai pihak perlu membuka mata mereka akan faedah menabung. Aktiviti menabung membolehkan seseorang itu merencanakan masa hadapan dengan ekonomi yang kukuh dan mapan. Hal ini demikian kerana menabung dapat menambahkan pendapatan secara berterusan dalam jangka masa panjang. Para remaja juga boleh menggunakan wang tabungan untuk membeli buku rujukan kerana kebanyakan kursus pengajian yang ditawarkan memerlukan kos yang tinggi. Apabila menabung, para pelajar dapat menampung perbelanjaan persekolahan seperti membayar yuran. Ibu bapa juga tidak perlu lagi bergolok bergadai untuk membiayai kos pendidikan anak-anak yang melanjutkan pelajaran ke institusi pengajian tinggi.

Kebijaksanaan dalam membuat belanjawan kewangan merupakan cara menabung yang paling efektif. Hal ini dapat menjamin keselesaan dan kesenangan hidup pada masa hadapan. Selain itu, individu boleh melakukan tabungan dengan cara mudah iaitu menabung mengikut warna wang namun memerlukan komitmen yang tinggi. Melalui menabung, seseorang itu dapat mempersiapkan diri menghadapi sebarang kemungkinan terutama pada waktu kecemasan. Amalan menabung juga dapat mendidik diri sentiasa berjimat cermat. Walaupun terdapat pelbagai kekangan untuk menabung tetapi masih ada ruang untuk melaksanakan amalan ini iaitu dengan mengelakkan sikap boros berbelanja. Tuntasnya, menabung merupakan amalan mulia dan perlu dijadikan budaya oleh segenap lapisan masyarakat.

Dipetik dan diubah suai daripada,  
'Menabung untuk Kemudahan Masa Hadapan',  
oleh Nadia Akmar Ahmad  
Dewan Siswa, Bil. 9/2020

**Bahan 2 – Grafik**

		
Memberikan pendedahan kepada anak-anak tentang amalan menabung	Membuka akaun menabung untuk anak-anak	Menerangkan kepentingan amalan menabung

**KERTAS PEPERIKSAAN TAMAT**